

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN**  
**JUSOH [SETIU]**  
**TARIKH : 11 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit Tibi, Malaria, Kusta dan Filariasis di Negara ini bagi tempoh 2010-2014 dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menangani peningkatan penularan kes berjangkit pekerja asing di Negara ini.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi tempoh 2010 hingga 2012, hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) V di seluruh negara mencatatkan pertambahan jumlah kemasukan pesakit yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam, iaitu sebanyak 2.13 juta pada tahun 2010, 2.15 juta pada tahun 2011 dan 2.31 juta pada tahun 2012.